

Keadilan Sebagaimanakah Yang SIS Mahu?



Oleh: Nurul Afifah Azlan

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 2 Ogos 2021

“Kalau Allah itu Maha Adil, atau kalau Islam itu adil, mengapakah wujud undang-undang dan polisi yang dibuat atas nama Islam tetapi mencetuskan ketidakadilan?”

Persoalan itu dibangkitkan oleh sebuah organisasi yang menjadi ‘tulang belakang’ dan dalang gerakan feminisme di Malaysia sejak 1983, Sister In Islam (SIS).

Gerakan feminisme yang pada asalnya diperkenalkan di Barat untuk tujuan membela hak wanita yang sering ditindas di Eropah ini telah dibawa masuk ke Malaysia oleh SIS.

Matlamat penubuhan SIS yang pada awalnya dilihat sebagai pengantara untuk memartabatkan kedudukan wanita akhirnya berubah 180 darjah menjadi sebuah organisasi yang menentang Islam.

‘Ketidakadilan’ yang dikatakan wujud dalam Islam pastinya tidak benar kerana adil bukanlah bererti memberatkan dacing pada kedua-dua bahagian dalam jumlah yang sama atau dalam erti kata lain, menyamaratakan hak kedua-dua belah pihak yang berurusan.

Namun, adil bermaksud menempatkan sesuatu perkara pada tempat dan kedudukan yang sebenarnya, tanpa melebihi atau menguranginya.

SIS menyalahertikan maksud adil dengan menganggap Islam itu adil apabila hak kesamarataan diberikan terhadap lelaki dan wanita.

Inilah akibat daripada pelajari sesuatu ilmu hanya pada dasarnya sahaja dan tidak mendalaminya dengan betul sedangkan adil dalam Islam membawa maksud yang lebih baik daripada itu.

Difahamkan, tujuan asal mereka adalah untuk mengelakkan wanita daripada ditindas, dan memberi peluang kepada wanita untuk mengambil bahagian dalam semua sektor yang dikuasai oleh kaum lelaki.

Malangnya, sesetengah kehendak dan tuntutan yang dituntut oleh organisasi yang memperjuangkan feminisme seperti SIS ini agak keterlaluan dan bertentangan dengan syariat Islam.

Beberapa tulisan dalam laman sesawang rasmi SIS membahaskan mengenai beberapa isu yang mampu mengelirukan pembaca sekali gus boleh memesonkan akidah umat Islam.

Antaranya mengenai konsep berpoligami, kebebasan mengamalkan hubungan sejenis, kebebasan menutup aurat bagi wanita Muslim dan konsep hak talak yang berada di tangan suami.

Contohnya, organisasi ini beranggapan bahawa tindakan menutup aurat dan berhijab bagi wanita Muslim bukanlah suatu kewajipan dan ia merupakan suatu pilihan dan keputusan individu itu sendiri.

SIS bertegas dengan kenyataan itu kerana mereka berpegang pada ayat 256 dalam surah al-Baqarah yang menegaskan “Tidak ada paksaan dalam agama...” walhal ayat tersebut membincangkan kebebasan dari sudut pandang yang lain.

Allah SWT telah menegaskan dan memberi peringatan beberapa kali dalam al-Quran untuk menutup aurat, bukan sahaja bagi muslimin, bahkan kepada para muslimat.

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 26 yang mafhumnya, “Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutup auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian taqwa itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah sebagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka selalu ingat.”

Mana-mana penindasan yang berlaku, terhadap sesiapa sahaja termasuk wanita, tetap menjadi kesalahan dan perkara yang tidak wajar berlaku apatah lagi dalam Islam kerana agama itu penuh dengan hikmah.

Walau bagaimanapun, perkara atau mana-mana fahaman yang diperjuangkan perlulah seiring dengan landasan Islam dan tidak memesongkan akidah kita sebagai seorang umat Islam.

Harus difahami bahawa Islam adalah agama yang *syumul* sepanjang zaman yang mencukupi segala aspek kehidupan manusia dan setiap yang diatitkan kepada kita mempunyai hikmah dan sebab yang tersendiri.